

NEWS CLIPPING

EVENT	Cawangan ke – 2,323
PUBLICATION	Harian Metro
PAGE/SECTION	Bisnes
DATE	9 May 2019
TIME	-



CAWANGAN 7-Eleven
ke-2,323 di Plaza Arkadia.

Sofyan Rizal Ishak
sofyan.rizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

7-Eleven Malaysia Holdings Bhd, operator rangkaian kedai serba-neka 7-Eleven Malaysia membuka cawangan terba-harunya yang ke-2,323 di Plaza Arkadia, Desa Park City di sini, yang menampilkan format baharu berkonsep kontemporari.

Ketua Pegawai Eksekutif 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd, Colin Harvey berkata, pembukaan cawangan itu adalah satu pencapaian yang membanggakan bagi syarikat dan ia adalah sebahagian komitmen untuk meneruskan lagi perluasan cawangan pada masa depan.

Menurutnya, syarikat me-lihat masih ada banyak ruang dan peluang untuk membuka lebih banyak ca-wangan dengan purata sehingga 200 cawangan seta-hun jika dinilai berdasarkan kapasiti, namun enggan me-ngulas jumlah cawangan yang ingin dibuka pada ta-hun ini secara lebih lanjut.

"Pada hari ini, kami ingin memaparkan produk terkini dan inovasi perkhidmatan yang akan membezakan kami dengan rangkaian ke-dai serba-neka lain di Ma-

Cawangan ke-2,323

■ 7-Eleven tampil format konsep kontemporari

laysia dengan penekanan kepada makanan segar ber-kualiti," katanya kepada media selepas pelancaran ca-wangan 7-Eleven Malaysia yang ke-2,323 di sini, semalam.

Beliau berka-ta, generasi terkini kedai 7-Eleven menggalak-kan pelanggan untuk melihat jenama itu se-bagai kedai gaya hidup yang membo-lehkan mereka untuk me-nikmati bartsan produk yang ditawarkan di kedai secara lebih santai sama seperti pe-

ngalaman di kafe kesukaan masing-masing.

Melalui cawangan di Pla-za Arkadia, 7-Eleven Ma-laysia menawarkan kepel-bagatan perkhidmatan ma-kanan yang mem-babitkan maka-nan dan minu-man di bawah jenama 7-Ele-ven seperti sandwic, snek 'Cocoks', do-nut segar, swiss roll, kek dan pen-cuci mulut, Aiskle-em serta minuman popular Slurpee.

Menurutnya, 7-Eleven Ma-laysia juga meningkatkan

perkhidmatan di cawangan-nya yang membabitkan pi-lihan penyedia utiliti seperti perkhidmatan pembayaran bil 24 jam, pi-lihan pembayar-an luar talian bagi e-da-gang terkemuka dan pembayar-an pinjaman Perbadan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Kami juga kini menawar-kan pembayaran melalui instrumen dompet elektro-nik (e-dompet) seperti Ra-zer Pay dan Alipay dan bakal memperkenalkan perkhid-matan untuk menyimpan serta menyerahkan bungku-san yang dibeli melalui pla-form dalam talian," kata-nya.

FAKTA
7-Eleven Malaysia tawar pembayaran melalui instrumen e-dompet seperti Razer Pay dan Alipay